



**LEMBAGA PELABUHAN KUCHING
KUCHING PORT AUTHORITY**

LAPORAN TAHUNAN 2024 ANNUAL REPORT



**Gerbang Dagangan Anda Ke Dunia
Your Trade Gateway To The World**

KANDUNGAN CONTENTS

MUKA SURAT / PAGES

Latar Belakang <i>Background</i>	2
Fungsi-Fungsi Berkanun <i>Statutory Functions</i>	3
Surat Hantaran <i>Letter of Transmittal</i>	4
Ahli-Ahli Lembaga <i>Board Members</i>	5
Statistik Kehadiran Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga <i>Board Members Meeting Attendance Statistic</i>	6
Pengurusan <i>Management</i>	7
Carta Organisasi <i>Organization Chart</i>	8
Struktur Kumpulan Korporat <i>Group Corporate Structure</i>	8
Tadbir Urus Korporat <i>Corporate Governance</i>	9 - 10
Ulasan Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	11 - 12
Persinggahan Kapal <i>Ship Calls</i>	13
Pengendalian Kargo <i>Cargo Throughput</i>	14 - 15
Statistik <i>Statistics</i>	16 - 17
Prestasi Kewangan <i>Financial Performance</i>	18
Prestasi Kad Skor <i>Scorecard Performance</i>	18
Piagam Pelanggan <i>Client Charter</i>	19
Projek Pembangunan Pelabuhan <i>Port Development Project</i>	20 - 22
Sumber Manusia <i>Human Resource</i>	23 - 24
Aktiviti-Aktiviti <i>Activities</i>	25 - 41
Penyata Kewangan <i>Financial Statements</i>	42 - 71

LATAR BELAKANG

BACKGROUND

Lembaga Pelabuhan Kuching merupakan pelabuhan yang pertama ditubuhkan di Sarawak di bawah Ordinan Lembaga-Lembaga Pelabuhan, 1961. Pelabuhan ini terletak berhampiran dengan bandaraya Kuching dan memberi perkhidmatan kepada syarikat perkapalan bagi menghubungkan pelabuhan-pelabuhan tempatan, nasional dan antarabangsa. Semua terminal pelabuhan adalah berdekatan dengan kawasan perindustrian bagi memudahkan pemindahan kargo. Kedua-dua terminal Pending dan Senari mudah dihubungi dengan bandar utama di Sarawak menerusi lebuh raya dan jalan persisiran pantai.

Visi

Menjadi pelabuhan yang berprestasi tinggi di Sarawak dalam bidang perdagangan, perkhidmatan pelanggan dan kebajikan kakitangan.

Misi

Memastikan operasi yang cemerlang dan berkesan yang membolehkan Lembaga Pelabuhan Kuching menjadi pintu masuk yang berprestasi tinggi di Sarawak.

Strategi

Mengadakan perancangan jangka panjang pembangunan pelabuhan dan perancangan sumber manusia yang komprehensif dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelabuhan melalui proses pembelajaran dan peningkatan staf dengan berterusan. Mengamalkan pengurusan pelabuhan dengan minda terbuka, efektif dan dinamik.

Kuching Port Authority is the first organized port in Sarawak. It was established under The Port Authorities Ordinance, 1961. It is situated just outside Kuching and is served by numerous shipping lines connecting it to the domestic, national and international ports. All its terminals are in close proximity to the industrial estates to facilitate easy cargo movement. Both Pending and Senari terminals have easy access to highway and coastal routes to all main towns in Sarawak.

Vision

To be a high performance gateway in Sarawak in terms of trade, customer services and employees' welfare.

Mission

Ensuring excellent operational efficiency enabling KPA to become a high performance gateway in Sarawak.

Strategy

To have a long term comprehensive port development and manpower planning by upgrading the quality of port services through a process of continuous learning and improvement for our staff. To have an open minded with effective and dynamic port management.


FUNGSI-FUNGSI BERKANUN *STATUTORY FUNCTIONS*

DI BAWAH SEKSYEN 9 (1) ORDINAN LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN, 1961:

- (a) “untuk menyelenggara atau memperuntukkan penyelenggaraan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan yang cekap dan mencukupi untuk semua pengguna pelabuhan;
- (b) untuk menyelaraskan segala aktiviti pelabuhan;
- (c) untuk mempertingkatkan pembaikan dan pembangunan pelabuhan;
- (d) untuk menyelaraskan dan mengawal pemindahan kargo atau barangan melalui, ke dalam atau keluar dari pelabuhan, dari mana-mana tempat atau kapal laut, dengan apa cara atau kaedah, termasuk pemindahan minyak atau gas melalui saluran paip, di darat atau di dasar laut, di atas atau di bawah permukaan bumi, di dalam atau di dasar laut; dan
- (e) untuk melaksanakan kerja-kerja sedemikian yang mungkin diperlukan bagi menjalankan tugas-tugas seperti yang ditetapkan dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d).”

Lanjutan di dalam Seksyen 9 (3), pelabuhan akan memastikan bahawa:

- (a) “hasil-hasil tahunannya, mengambil kira satu tahun kewangan dengan tahun yang lain, adalah mencukupi untuk membiayai semua bayaran.....;dan
- (b) tidak ada seorang pun diberi sebarang keutamaan atau dikenakan tindakan yang tidak wajar berbanding dengan sesiapa pun.”



UNDER SECTION 9 (1) OF THE PORT AUTHORITIES ORDINANCE, 1961:

- (a) “to maintain, or provide for the maintenance of adequate and efficient port services and facilities for all users of the port;
- (b) to co-ordinate the activities of the port;
- (c) to promote the improvement and development of the port;
- (d) to regulate and control the transportation through, into or out of a port of any cargo or goods from any place or vessel to any other place or vessel by any means or modes, including the conveyance of petroleum or gas by pipelines, both onshore or offshore, on land or underground, in water or underwater; and
- (e) to execute such works as may be necessary to the performance of the duties specified in paragraphs (a), (b), (c) and (d).”

Further under Section 9 (3), the port shall ensure that:

- (a) “its annual revenues are, taking one financial year with another, sufficient to meet the payment of all charges.....;and
- (b) no person is given any undue preference or is subject to any undue disadvantage as compared with any other person.”

SURAT HANTARAN

LETTER OF TRANSMITTAL



LEMBAGA PELABUHAN KUCHING

JALAN PELABUHAN, PETI SURAT 530, 93710 KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA
Tel: 082 - 482144 (10 Lines) Faks: 082 - 481696 / 334776 E-mel: hq@kpuport.com.my



Nombor Rujukan: C/KPA/0114/3

Tarikh: 19 Ogos 2025

Yang Berhormat Menteri Infrastruktur dan
Pembangunan Pelabuhan Sarawak
Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan
Pelabuhan Sarawak
Tingkat 5, Bangunan Baitul Makmur, Medan Raya
Petra Jaya, 93050 Kuching
Sarawak, Malaysia

Yang Berhormat Datuk Amar

Laporan dan Akaun Yang Diauditkan Tahun 2024

Menurut peruntukan Seksyen 21(1) Ordinan Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1961, adalah saya dengan hormatnya mengemukakan di sini laporan bersama dengan akaun yang telah diauditkan mengenai kegiatan-kegiatan Lembaga sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

Yang benar

YB Azizul Annuar Bin Adenan
Pengerusi
Lembaga Pelabuhan Kuching



KUCHING PORT AUTHORITY

JALAN PELABUHAN, PETI SURAT 530, 93710 KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA
Tel: 082 - 482144 (10 Lines) Fax: 082 - 481696 / 334776 Email: hq@kpuport.com.my



Reference No.: C/KPA/0114/3

Date: 19 August 2025

The Honourable Minister for Infrastructure
and Port Development Sarawak
Ministry of Infrastructure and Port
Development Sarawak
5th Floor, Bangunan Baitul Makmur, Medan Raya
Petra Jaya, 93050 Kuching
Sarawak, Malaysia

Yang Berhormat Datuk Amar

Report and Audited Accounts 2024

In accordance with the provision under 21(1) of the Port Authorities Ordinance 1961, I have the honour to submit herewith the report together with the Audited Accounts dealing with the activities of the Authority during the financial year ended 31 December 2024.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"

Yours faithfully

YB Azizul Annuar Bin Adenan
Chairman
Kuching Port Authority

AHLI-AHLI LEMBAGA

BOARD MEMBERS



Duduk (dari kiri ke kanan)
Seated (from left to right)

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Wahbi Bin Haji Junaidi, Yang Berbahagia Datu Chiew Chee Yau (Deputy Chairman),
Yang Berhormat Azizul Annuar Bin Pehin Sri Haji Adenan (Chairman),
Yang Berbahagia Dato Sri Dr. Wan Lizozman Bin Wan Omar (State Financial Secretary), Mr. Asem Anak Linkin

Berdiri (dari kiri ke kanan)
Standing (from left to right)

Mr. Liew Hui Chai, Mr. Goh Tze Hui, Mr. Robert Lau Hong Thiam (General Manager)

Tiada di dalam gambar / Not in the picture :



Yang Berbahagia
Dato Awang Bemee Bin
Haji Pengiran Ali Basah
(Sehingga / until 20 October 2024)



Yang Berbahagia
Dato Ir. Janang
Anak Bungsu



Mr. Lim Ah Ted

STATISTIK KEHADIRAN MESYUARAT AHLI-AHLI LEMBAGA

BOARD MEMBERS MEETING ATTENDANCE STATISTIC

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun 2024. Berikut merupakan maklumat kehadiran Ahli-Ahli Lembaga:

Four (4) meetings were held during the year under review. Details of the Board member's attendance are as follows:

Nama / Name	Jawatan / Position	Kehadiran / Attendance	Catatan / Remarks
Yang Berbahagia Dato Awang Bemee Bin Haji Pengiran Ali Basah	Pengerusi / Chairman	3/4	Sehingga /Until: 20 October 2024
Yang Berhormat Azizul Annuar Bin Pehin Sri Haji Adenan	Pengerusi / Chairman	1/4	Dilantik pada / Appointed on: 21 October 2024
Yang Berbahagia Datu Chiew Chee Yau	Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman	1/4	3/4 : diwakili oleh proksi / represented by proxy
Yang Berbahagia Dato Sri Dr. Wan Lizozman Bin Wan Omar	Ahli / Member	0/4	4/4 : diwakili oleh proksi / represented by proxy
Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Wahbi Bin Haji Junaidi	Ahli / Member	4/4	
Yang Berbahagia Dato Ir. Janang Anak Bungsu	Ahli / Member	2/4	
Encik Asem Anak Linkin	Ahli / Member	4/4	
Encik Liew Hui Chai	Ahli / Member	4/4	
Encik Lim Ah Ted	Ahli / Member	2/4	
Encik Goh Tze Hui	Ahli / Member	3/4	

PENGURUSAN MANAGEMENT



Pengurus Besar
General Manager
Encik Robert Lau Hong Thiam
CA (M), LLB, P.B.K



Penolong Pengurus Besar (Kewangan Korporat)
Assistant General Manager (Corporate Finance)
Puan Jong Siaw Mei
B.Acc. (Edu) (Hons) UPM, CMBA (Finance)
UNIMAS, P.P.B

Pemangku Penolong Pengurus Besar (Operasi) /
Acting Assistant General Manager (Operations)
Farizal Bin Suhaili
CILT (UK)

Pemangku Penolong Pengurus Besar
(Sumber Manusia Dan Kualiti) /
Acting Assistant General Manager
(Human Resource And Quality)
Chai Chin Lin
BSc (Hons) CS UoP

Ketua Pegawai Keselamatan /
Chief Security Officer
Patrick Wee Hian Tiong
P.P.P, A.M.N, P.P.B, A.B.S, A.B.K, P.P.S
(sehingga / until 09 May 2024)

Akauntan / Accountant
Armiyani Binti Haji Arabi
B.Acc. UM, MBA (HRM) CMM, CA (M)

Pengurus Pentadbiran / Administration Manager
Donna Chang Wan Yee
DipBus, BEc & Bus (Hons) (Ind Econ Org) UNIMAS,
CMBA (Human Dynamics) UNIMAS

Penguasa Trafik (Unit Operasi Kontena) /
Traffic Superintendent (Container Operation Unit)
Voon Yian Foo
BSc. (Hons) HRD (UNIMAS)

Pegawai Keselamatan /
Security Officer
Robert Tony Anak George
Ba. Media Studies (Hons) (UM)

Pengurus Sumber Manusia /
Human Resource Manager
Chai Ai Nee
BSS (Hons) (Ind. Rel. & LS) UNIMAS

Pengurus Perbendaharaan /
Treasury Manager
Awang Haziq Bin Awang Bemee
BCom (Accounting) Curtin University


Penguasa Trafik (Terminal Pending) /
Traffic Superintendent (Pending Terminal)
Chew Kian Boon
B.Bus (Hons) LSCM (WOU)

Pengurus Kawal Selia & Penguatkuasa /
Regulatory & Enforcement Manager
Albert Anak Umpie
BSS (Hons) (Ind. Rel. & LS) UNIMAS

Juruaudit Dalamann /
Internal Auditor
Chai Tze Chek
CA (M), CPA (Aust)

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART



STRUKTUR KUMPULAN KORPORAT

GROUP CORPORATE STRUCTURE



TADBIR URUS KORPORAT

CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA AUDIT / AUDIT COMMITTEE

Jawatankuasa Audit Pelabuhan Kuching telah mengadakan sebanyak empat (4) mesyuarat pada tahun dibincangkan. Tiada temuan utama diperhatikan di dalam keempat-empat laporan jawatankuasa.

The Audit Committee held four (4) meetings during the year. No major findings were noted in four audits committee reports.

Pengerusi / Chairman

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Wahbi Bin
Haji Junaidi

Setiausaha / Secretary

Encik Robert Lau Hong Thiam

Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Yang Berbahagia Datu Chiew Chee Yau

Ahli / Member

Yang Berbahagia Dato Sri Dr. Wan Lizozman
Bin Wan Omar
Encik Asem Anak Linkin
Encik Liew Hui Chai

JAWATANKUASA TENDER / TENDER COMMITTEE

Jawatankuasa Tender telah mengadakan sebanyak dua (2) mesyuarat pada tahun yang dibincangkan. Tender - tender telah diluluskan dengan sewajarnya.

The Tender Committee held two (2) meetings during the year. Tenders were duly approved.

Pengerusi / Chairman

Yang Berbahagia Dato Awang Bemee Bin
Haji Pengiran Ali Basah

(Sehingga / Until 20 October 2024)

Yang Berhormat Azizul Annuar Bin Pehin Sri
Haji Adenan

(Dilantik / Appointed on 21 October 2024)

Setiausaha / Secretary

Encik Robert Lau Hong Thiam

Ahli / Member

Yang Berbahagia Dato Sri Dr. Wan Lizozman
Bin Wan Omar
Yang Berbahagia Dato Ir. Janang Anak Bungsu
Encik Asem Anak Linkin
Encik Lim Ah Ted

Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Yang Berbahagia Datu Chiew Chee Yau

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA / HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT COMMITTEE

Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia telah mengadakan satu (1) mesyuarat pada tahun yang dibincangkan. Ia adalah berkaitan dengan pelantikan kakitangan kanan.

The Human Resource Development Committee held one (1) meeting during the year. This was related to appointment of senior staff.

Pengerusi / Chairman

Yang Berbahagia Dato Awang Bemee Bin
Haji Pengiran Ali Basah

(Sehingga / Until 20 October 2024)

Yang Berhormat Azizul Annuar Bin Pehin Sri
Haji Adenan

(Dilantik / Appointed on 21 October 2024)

Setiausaha / Secretary

Encik Robert Lau Hong Thiam

Ahli / Member

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Wahbi Bin
Haji Junaidi
Yang Berbahagia Dato Ir. Janang Anak Bungsu
Encik Lim Ah Ted

Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Yang Berbahagia Datu Chiew Chee Yau

TADBIR URUS KORPORAT

CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN / FINANCE AND ACCOUNTS MANAGEMENT COMMITTEE

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah mengadakan sebanyak empat (4) mesyuarat sepanjang tahun 2024. Tiada temuan utama dilaporkan.

The Finance and Accounts Management Committee held four (4) meetings during the year. No major findings were noted.

Pengerusi / Chairman

Encik Robert Lau Hong Thiam

Setiausaha / Secretary

Cik Donna Chang Wan Yee

**Pegawai Integriti Bertauliah /
Certified Integrity Officer (CeIO)**

Encik Robert Tony Anak George

Ahli / Member

Puan Jong Siaw Mei

Puan Chai Chin Lin

Encik Farizal Bin Suhaili

Puan Armiyani Binti Haji Arabi

Encik Awang Haziq Bin Awang Bemee

Puan Sharon Ong Hui Ling

Puan Tan Pei Chen

JAWATANKUASA TATAKELOLA / TATAKELOLA COMMITTEE

Jawatankuasa Tatakelola telah mengadakan empat (4) mesyuarat pada tahun yang dibincangkan. Tiada temuan yang ketara diperhatikan.

The Tatakelola Committee held four (4) meetings during the year. No major findings were noted.

Pengerusi / Chairman

Encik Robert Lau Hong Thiam

Setiausaha / Secretary

Puan Chai Ai Nee

**Pegawai Integriti Bertauliah /
Certified Integrity Officer (CeIO)**

Encik Robert Tony Anak George

Ahli / Member

Puan Jong Siaw Mei

Encik Farizal Bin Suhaili

Puan Chai Chin Lin

Encik Patrick Wee Hian Tiong (Mendiang / deceased)

Encik Albert Anak Umpie

Puan Tan Pei Chen

Encik Muhamad Faishal Bin Mohd Firdaus

ULASAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT

Bagi pihak ahli-ahli Lembaga Pelabuhan Kuching, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

PANDANGAN KESELURUHAN

Jumlah pengendalian kargo yang dikendalikan pada tahun ini telah menunjukkan peningkatan walaupun terdapat penurunan dalam jumlah singgahan kapal. Jumlah pengendalian kargo mencatatkan 10,092,964 tan pada tahun 2024, menunjukkan peningkatan sebanyak 7.95% berbanding dengan 9,349,479 tan pada tahun 2023. Jumlah pengendalian kontena meningkat sebanyak 11.30% dengan kendalian sebanyak 305,197 TEUs kontena berbanding dengan 274,202 TEUs pada tahun 2023.

Sebanyak 1,351 buah kapal berlabuh pada tahun 2024, menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 1.03% berbanding 1,365 buah kapal pada tahun sebelumnya. Jumlah Tanej Berdaftar Kasar (GRT) adalah sebanyak 10,350,640 tan pada tahun 2024 berbanding dengan 10,486,312 tan pada tahun 2023.

PROSPEK

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar yang stabil antara 4% hingga 4.8% pada 2025 didorong oleh prestasi ekonomi yang memberangsangkan dan inisiatif ekonomi strategik. Pertumbuhan ini dijangka berterusan meskipun dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar. Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang sederhana, didorong oleh kemajuan teknologi, peralihan hijau yang berterusan dan pemulihan secara beransur-ansur dalam perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, risiko yang berpotensi seperti ketidaktentuan geopolitik, dasar perlindungan dan gangguan rantaian bekalan mungkin memberi cabaran kepada aliran perdagangan, mewujudkan ketidakpastian bagi sektor maritim dan logistik.

Sehubungan dengan ini, jumlah kargo dijangka akan mengalami pertumbuhan yang sederhana pada tahun



**Yang Berhormat Azizul Annuar
Bin Pehin Sri Haji Adenan**
Pengerusi / Chairman

2025. Pelabuhan Kuching akan terus meneroka lebih banyak saluran pendapatan dan menjalankan langkah penjimatan kos untuk mengurangkan pembelanjaan operasi sambil mengekalkan kecekapan dan produktiviti pelabuhan.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakam penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan perdagangan, pengguna-pengguna pelabuhan, pengendali-pengendali pelabuhan serta semua ahli Lembaga, pengurusan dan kakitangan Lembaga Pelabuhan Kuching yang memberi komitmen penuh kepada pencapaian Lembaga Pelabuhan Kuching sepanjang tahun ini. Komitmen mereka amat dihargai dalam memastikan kejayaan dapat dicapai oleh Lembaga Pelabuhan Kuching pada tahun ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang ke arah kemajuan berterusan Lembaga Pelabuhan Kuching.

ULASAN PENGURUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT



**Yang Berhormat Azizul Annuar
Bin Pehin Sri Haji Adenan**
Pengerusi / *Chairman*

On behalf of the members of the Board of Kuching Port Authority, I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2024.

OVERVIEW

Total cargo throughput handled by the Authority for the year registered an increase despite a decrease of ship calls. The total cargo throughput was 10,092,964 tonnes in 2024, an increase of 7.95% compared with 9,349,479 tonnes in 2023. The container volume increased by 11.30% with a throughput of 305,197 TEUs in 2024 as compared with 274,202 TEUs in 2023.

There were 1,351 ship calls in 2024, a slight decrease of 1.03% compared with 1,365 in 2023. The total Gross Registered Tonnage (GRT) of the ship calls was 10,350,640 tonnes compared with 10,486,312 tonnes in 2023.

PROSPECT

Looking ahead, Malaysia's economy is projected to grow at a steady rate of 4% to 4.8% in 2025 supported by favourable economic performance and strategic economic initiatives. This growth is expected to continue despite a challenging global economic environment. The global economy is anticipated to expand at a moderate pace, driven by technological advancements, the ongoing green transition and a gradual recovery in international trade. However, potential risks such as geopolitical uncertainties, protectionist policies and supply chain disruption could pose challenges to trade flows, creating uncertainties for the maritime and logistics sectors.

Therefore, cargo volume is expected to have a moderate growth in 2025. Kuching Port will continue to explore more income avenues and to carry out cost-saving measures to reduce operational expenditure while maintaining port efficiency and productivity.

ACKNOWLEDGEMENT

I wish to acknowledge that the performance of Kuching Port Authority during the year was made possible with the full commitment of the Federal and Sarawak Governments, government agencies, trade associations, port users, port operators, as well as the Board, management and staff of Kuching Port Authority. Their commitment is most commendable in ensuring the success achieved by Kuching Port Authority during the year. I wish to express my gratitude to all those who have contributed towards the continued progress of Kuching Port Authority.

PERSINGGAHAN KAPAL

SHIP CALLS

Pada tahun yang dibincangkan, sebanyak 1,351 singgahan dengan agregat Tanej Kasar Berdaftar (GRT) sebanyak 10,350,640 tan direkodkan berbanding dengan 1,365 singgahan kapal dengan jumlah GRT sebanyak 10,486,312 tan pada tahun lepas. Daripada jumlah ini, 744 buah kapal merupakan kapal tempatan, manakala 607 buah kapal adalah kapal dagangan antarabangsa. Penyumbang utama kepada persinggahan kapal ialah kapal kontena (550), kapal pukal pecah (296) dan kapal pukal cecair (223).

Terminal Senari menerima 573 buah kapal dengan GRT sebanyak 4,962,985 tan, mewakili 42.41% daripada jumlah persinggahan kapal dan 47.95% daripada jumlah GRT. Ianya menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.53% dari segi persinggahan kapal dan penurunan sebanyak 3.60% dari segi GRT. Persinggahan kapal di Terminal Pending telah mencatatkan 417 buah dengan agregat Tanej Kasar Berdaftar sebanyak 3,391,729 tan, mewakili 30.87% dari keseluruhan persinggahan kapal dan 32.77% bagi jumlah keseluruhan GRT. Berbanding dengan tahun sebelumnya, persinggahan kapal mencatatkan penurunan sebanyak 3.47% tetapi peningkatan sebanyak 4.13% dalam GRT.

Pengendalian kapal tangki minyak di Terminal Minyak Bebas merekodkan 223 singgahan kapal dengan GRT sebanyak 1,551,809 tan. Jumlah tersebut telah menunjukkan penurunan sebanyak 8.61% dalam persinggahan kapal dan 8.16% dalam GRT. Sebanyak 138 persinggahan kapal dengan agregat Tanej Kasar Berdaftar sebanyak 444,117 tan telah dikendalikan pada tahun 2024 di kemudahan-kemudahan “sufferance” di bawah kuasa kawalan pelabuhan. Angka ini mencatatkan peningkatan dari segi persinggahan kapal sebanyak 15.97% dan sebanyak 13.62% dari segi GRT berbanding tahun 2023.

Sebanyak seratus tiga puluh lima (135) pelayaran sulung telah direkodkan pada tahun 2024.



In 2024, 1,351 ship calls with an aggregate Gross Registered Tonnage (GRT) of 10,350,640 tonnes were recorded compared with 1,365 ship calls with GRT of 10,486,312 tonnes in the previous year. There were 744 domestic ship calls while 607 were foreign ship calls. The top contributors to ship calls were container vessels (550), break bulk vessels (296) and liquid bulk vessels (223).

Senari Terminal received 573 ship calls with an aggregate GRT of 4,962,985 tonnes, representing 42.41% of total ship calls and 47.95% of total GRT. It showed a slight increase of 0.53% in ship calls and a decrease of 3.60% in GRT. Ship calls at Pending Terminal stood at 417 with an aggregate GRT of 3,391,729 tonnes, representing 30.87% of total ship calls and 32.77% of the total GRT. There was a decrease of 3.47% in ship calls but an increase of 4.13% in GRT compared with the previous year.

At the Independent Oil Terminal, liquid bulk cargo recorded 223 ship calls with 1,551,809 tonnes of GRT. The volume showed a decrease of 8.61% and 8.16% in ship calls and GRT respectively. At the sufferance facilities within the port's limit, 138 ship calls with an aggregate GRT of 444,117 tonnes were registered in 2024. This figure marked an increase of 15.97% in ship calls and 13.62% in GRT from 2023.

One hundred and thirty-five (135) maiden voyages calling at Kuching Port were recorded in 2024.

PENGENDALIAN KARGO

CARGO THROUGHPUT

Jumlah kargo yang dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Kuching menunjukkan peningkatan sebanyak 7.95% bagi tahun 2024. Sebanyak 10,092,964 tan telah dikendalikan berbanding 9,349,479 tan pada tahun 2023. Kargo import telah mencatat jumlah sebanyak 8,547,975 tan (84.69%), manakala kargo eksport telah mencatat jumlah sebanyak 1,544,989 tan (15.31%). Daripada jumlah ini, Terminal Senari telah mengendalikan sebanyak 6,716,493 tan (66.54%) manakala Terminal Pending pula mengendalikan kargo berjumlah 1,749,673 tan (17.34%), sementara itu pengendalian kargo pukal cecair di Terminal Minyak Bebas Senari mencatatkan jumlah sebanyak 1,215,770 tan (12.05%). Baki sebanyak 411,028 tan (4.07%) pula dikendalikan di beberapa kemudahan “sufferance” di bawah kuasa kawalan pelabuhan.

KARGO KONTENA

Kargo kontena berjumlah 6,625,948 tan masih terus mendominasi komposisi kargo yang merangkumi 65.65% daripada jumlah keseluruhan kargo yang dikendalikan. Jumlah ini menggambarkan peningkatan sebanyak 679,590 tan atau 11.43% berbanding dengan tahun lepas yang berjumlah 5,946,358 tan. Secara keseluruhannya, Pelabuhan Kuching telah mengendalikan 305,197 TEUs pada tahun 2024. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11.30% berbanding dengan 274,202 TEUs yang dikendalikan pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,616 TEUs merupakan kontena “transshipment”.

KARGO PUKAL PECAH

Kargo pukal pecah telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2024. Jumlah kendalian telah meningkat sebanyak 12.61% atau 450,678 tan berbanding 400,222 tan pada tahun 2023. Sejumlah 418,496 tan kargo pukal pecah telah diimport berbanding dengan 368,730 tan pada tahun 2023. Eksport bagi kargo pukal pecah

pula mencatatkan peningkatan sebanyak 2.19% bersamaan 32,182 tan pada tahun 2024.

KARGO PUKAL KERING

Jumlah kendalian kargo pukal kering telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.79% dari 469,478 tan pada tahun 2023 kepada 520,127 tan pada tahun 2024. Jumlah import bagi kargo pukal kering mendaftar peningkatan sebanyak 13.28%, daripada 450,214 tan pada tahun 2023 kepada 510,014 tan pada tahun 2024. Kadar eksport bagi kargo pukal kering telah memaparkan penurunan sebanyak 47.50%, daripada 19,264 tan pada tahun 2023 kepada 10,113 tan pada tahun 2024.

RO-RO

Pada tahun 2024, kargo Ro-Ro telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.04% daripada 843,783 tan pada tahun 2023 kepada 869,413 tan pada tahun 2024. Kadar import bagi kargo Ro-Ro mendaftar peningkatan sebanyak 3.71%, daripada 788,333 tan pada tahun 2023 kepada 817,546 tan pada tahun 2024 dan kargo eksport merekodkan penurunan sebanyak 6.46% daripada 55,450 tan pada tahun 2023 kepada 51,867 tan pada tahun 2024. Sejumlah 67,384 unit kenderaan telah dikendalikan pada tahun 2024, yang telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.39% berbanding dengan angka tahun 2023 yang sebanyak 63,334 unit.

KARGO PUKAL CECAIR

Jumlah pengendalian bagi kargo pukal cecair bagi tahun 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 2.51% kepada 1,215,770 tan di Terminal Minyak Bebas. Kadar import mencakupi 840,615 tan, mencatatkan 1.59% penurunan berbanding dengan tahun 2023 yang berjumlah 854,208 tan. Kargo eksport pula mendaftarkan penurunan sebanyak 4.51%, daripada 392,888 tan pada tahun 2023 kepada 375,155 tan pada tahun 2024.

PENGENDALIAN KARGO

CARGO THROUGHPUT

2024 showed an increase of 7.95% in the volume of cargo traffic passing through Kuching Port Authority. A total of 10,092,964 tonnes were recorded compared with 9,349,479 tonnes for the year 2023. Import cargo registered 8,547,975 tonnes (84.69%), while export cargo at 1,544,989 tonnes (15.31%). Out of the total volume, 6,716,493 tonnes (66.54%) were worked at Senari Terminal and 1,749,673 tonnes (17.34%) at Pending Terminal, while the Independent Oil Terminal at Senari handled 1,215,770 tonnes (12.05%) of liquid bulk cargo. The remaining 411,028 tonnes (4.07%) were handled at sufferance facilities within the port's limit.

CONTAINERISED CARGO

Containerised cargo amounting to 6,625,948 tonnes continued to dominate the cargo composition making up of 65.65% of the total throughput figure. This figure represented an increase of 679,590 tonnes or 11.43% over the previous year's figure of 5,946,358 tonnes. Overall, the port handled a total of 305,197 TEUs in 2024. There was an increase of 11.30% in the handling of containers compared with 274,202 TEUs handled in 2023. Out of the total volume, 3,616 TEUs were for transshipment cargo.

BREAK BULK CARGO

The break bulk cargo registered an increase in 2024. Total throughput registered an increase of 12.61% or 450,678 tonnes compared with 400,222 tonnes in 2023. A total of 418,496 tonnes of break bulk was imported compared with 368,730 tonnes in 2023 while export recorded an increase of 2.19% or 32,182 tonnes in 2024.

DRY BULK CARGO

Dry bulk cargo registered an increase of 10.79% from 469,478 tonnes in 2023 to 520,127 tonnes in 2024. The total import for dry bulk

cargo registered an increase of 13.28% from 450,214 tonnes in 2023 to 510,014 tonnes in 2024. Export for dry bulk cargo also showed a decrease of 47.50% from 19,264 tonnes in 2023 to 10,113 tonnes in 2024.

RO-RO

In 2024, Ro-Ro vehicles throughput registered an increase of 3.04% from 843,783 tonnes in 2023 to 869,413 tonnes in 2024. The import of Ro-Ro cargo registered an increase of 3.71%, from 788,333 tonnes in 2023 to 817,546 tonnes in 2024 while the export cargo recorded a decrease of 6.46%, from 55,450 tonnes in 2023 to 51,867 tonnes in 2024. A total of 67,384 units were handled in 2024, which marked an increase of 6.39% compared with 2023's figure of 63,334 units.


LIQUID BULK CARGO

Liquid bulk cargo throughput experienced a decrease of 2.51% to 1,215,770 tonnes in 2024 at the Independent Oil Terminal. Import accounted for 840,615 tonnes which was a 1.59% decrease over 2023's figure of 854,208 tonnes while export cargo registered a decrease of 4.51% from 392,888 tonnes in 2023 to 375,155 tonnes in 2024.




STATISTIK STATISTICS


**Pengendalian Kargo (tan) /
Cargo Throughput (tonnes)** 2020-2024




**Pengendalian Kontena /
Container Throughput (TEUs)** 2020-2024




**Pengendalian Kontena (tan) /
Container Throughput (tonnes)** 2020-2024



**Persinggahan Kapal (unit) /
Ship Calls (units)** 2020-2024




**Roll on - Roll off (unit) /
(Ro-Ro) (units)** 2020-2024




STATISTIK STATISTICS


TOP IMPORT COMMODITY 2024




TOP EXPORT COMMODITY 2024



**DAGANGAN IMPORT /
IMPORT TRADE** **2024**



**DAGANGAN IMPORT /
EXPORT TRADE** **2024**



PRESTASI KEWANGAN

FINANCIAL PERFORMANCE

Pendapatan operasi Kumpulan Lembaga Pelabuhan Kuching pada tahun 2024 adalah RM100.442 juta, mewakili peningkatan sebanyak 18.0% berbanding dengan RM85.126 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan operasi kumpulan selepas mengambil kira perbelanjaan operasi berjumlah RM81.092 juta mencatatkan lebih pendapatan sebanyak RM19.350 juta. Selepas menolak perbelanjaan bukan operasi seperti kos kewangan dan perbelanjaan cukai, dan dengan mengambil kira hasil bersekutu, lebih bersih pada tahun ini ialah RM17.074 juta berbanding dengan lebih bersih berjumlah RM12.362 juta pada tahun 2023. Jumlah aset Kumpulan Lembaga Pelabuhan Kuching pada 31 Disember 2024 adalah RM409.571 juta manakala jumlah liability adalah RM151.566 juta.

The Kuching Port Authority Group's total operating revenue for the year 2024 was RM100.442 million representing a 18.0% increase over the preceding year of RM85.126 million. Its total operating revenue after deducting the operating expenditure of RM81.092 million resulted in an operating surplus of RM19.350 million. After deducting the non-operating expenditure, mainly finance costs and tax expense, and taking into account the share of result in associate, the net surplus for the year was RM17.074 million compared with the net surplus of RM12.362 million in 2023. As at 31 December 2024, the total assets of the Kuching Port Authority Group was RM409.571 million while the total liabilities stood at RM151.566 million.

PRESTASI KAD SKOR

SCORECARD PERFORMANCE

Pada tahun 2024, Prestasi Kad Skor LPK adalah seperti berikut:


- i) Perspektif Pelanggan: 3.00 daripada 3.00 berdasarkan kajian kepuasan pelanggan
- ii) Perspektif kewangan: 1.34 daripada 1.50
- iii) Perspektif Proses / Program / Projek / Penyampaian Perkhidmatan: 3.40 daripada 4.00
- iv) Perspektif Kapasiti Organisasi: 1.40 daripada 1.50

Prestasi keseluruhan Kad Skor LPK bagi tahun 2024 adalah 9.14 daripada 10.00.

In year 2024, KPA's Scorecard Performance is as follows:

- i) Customer perspective: 3.00 out of 3.00 based on Customer Satisfaction Survey
- ii) Finance Perspective: 1.34 out of 1.50
- iii) Process / Programme / Project / Service Delivery perspective (PPPSD): 3.40 out of 4.0
- iv) Organizational Capacity Perspective: 1.40 out of 1.50

KPA overall scorecard performance for year 2024 is 9.14 out of 10.00.



PIAGAM PELANGGAN

CLIENT CHARTER

Pencapaian Piagam Pelanggan / Client's Charter Achievement

No.	Client Charter	Achievement for Year 2024	
1.	Provide credit facility to customer: Open account for customers. (5 minutes)	100.00%	
2.	Provide efficient counter service to customer:	Senari Terminal	Pending Terminal
	a. Receive Cash / Cheque from Customers and generate receipt. (5 minutes)	100.00%	100.00%
	b. Issue Receiving, Sorting and Delivery (R, S & D) invoice and generate convoy note upon receipt of Delivery Order from customers. (10 minutes for every 15 Convoy Notes)	99.94%	100.00%
3.	Generate Vessel Invoice in accordance with the tariff rates: Generate vessel invoices based on completed vessel working report (5 working days after vessel's departure)	95.25%	
4.	Process Sufferance Wharf Permit Application (6 Months Permit for Non-Chargeable Cargo) (2 working days)	100.00%	
5.	Ensure fast vessel turnaround time:		
	a. Quay Crane Container Handling (Not less than 18 moves per hour)	93.30%	
	b. Conventional Cargo Handling		
	i. General Cargo: Minimum 18 tonnes per hour	100.00%	
	ii. RORO : 80 units per hour (Berth No. 1-3) : 150 units per hour (Berth No. 4-6)	100.00%	

PROJEK PEMBANGUNAN PELABUHAN

PORT DEVELOPMENT PROJECT

Kawasan Penyimpanan Kontena Baharu Di Terminal Senari *New Container Yard At Senari Terminal*



Lembaga Pelabuhan Kuching telah menyiapkan kawasan penyimpanan kontena yang baharu untuk kontena kosong di Terminal Senari, dengan tempoh pembinaan dari 6 Jun 2024 hingga 13 Disember 2024. Kawasan penyimpanan baharu ini menambah kapasiti tahunan sebanyak 100,000 TEUs untuk Terminal Senari.

The Kuching Port Authority completed a new Container Yard for empty containers at Senari Terminal, with construction period from 6th June 2024 to 13th December 2024. The new yard added 100,000 TEUs annual capacity to Senari Terminal.

Tapak Kenderaan Baharu Di Terminal Senari *New Vehicle Yard At Senari Terminal*



Di bawah Jabatan Kerja Raya MIPD, sebuah tapak kenderaan baharu telah ditambah untuk Terminal Senari, dengan kapasiti sebanyak 2,500 kenderaan.

Under Public Works Department of MIPD, a new vehicle yard was added to Senari terminal, it has a capacity of 2,500 vehicles.

Dua Kren Dermaga Baharu HHMC di Terminal Senari

Two Units New HHMC Quay Crane at Senari Terminal



Projek bernilai RM70 juta ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

This project of RM70 million is fully funded by the Sarawak government under the 12th Malaysian Plan.

Dua kren dermaga HHMC yang berkuasa elektrik telah dihantar dari Qingdao, China dan tiba di Terminal Senari pada 22 Januari 2024 serta mula digunakan pada 1 Mac 2024.

The two electric-powered HHMC quay cranes were shipped from Qingdao, China and arrived at Senari Terminal on 22nd January 2024 and commissioned to use on 1st March 2024.



Foto: Dua kren dermaga baharu telah diserahkan dari pembekal, HLG Equipment Sdn. Bhd. kepada LPK dalam satu majlis penyerahan yang diadakan pada 5 Mac 2024. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas (tengah), Timbalan Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baharu Kedua, serta Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pelabuhan (MIPD) Sarawak. Turut hadir ialah Pengerusi LPK, Dato Awang Beme Pengiran Ali Basah (kedua dari kiri), Pengurus Besar KPA, Encik Robert Lau Hong Thiam (pertama dari kiri), Pengarah Urusan Harbour Link Group Berhad, Dato Francis Yong (kedua dari kanan) dan Pengarah Pemasaran Qingdao Haixi Heavy-Duty Machinery Co. Ltd (HHMC), Cik Winny Li Qihong (pertama dari kanan).

Photo: The two new quay cranes were handed over by the supplier HLG Equipment Sdn. Bhd. to KPA at a ceremony held on 5th March 2024 which was graced by Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas (centre), Deputy Premier, Second Minister for Finance and New Economy, and Minister for Infrastructure and Port Development (MIPD) Sarawak. Also present were KPA's Chairman, Dato Awang Beme Pengiran Ali Basah (second left), KPA's General Manager, Mr. Robert Lau Hong Thiam (first left), Harbour Link Group Berhad Managing Director, Dato Francis Yong (second right) and Qingdao Haixi Heavy-Duty Machinery Co. Ltd (HHMC) Marketing Director, Ms. Winny Li Qihong (first right).



Dua kren dermaga baharu (berwarna kuning) sedang dialihkan ke atas dermaga Terminal Senari.



Two new quay cranes (yellow) being skidded onto the wharf of Senari Terminal



Pemandangan dua kren dermaga dari bahagian darat.

View of the two quay cranes from the landside.

SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE

KEKUATAN TENAGA MANUSIA

Pada 31 Disember 2024, jumlah kakitangan LPK adalah seramai 712 orang kakitangan berbanding seramai 717 orang kakitangan pada tahun 2023. Jumlah kakitangan merangkumi 422 Staf dan 290 Pekerja Pelabuhan. Seramai 20 pengambilan baru dan 25 orang telah tamat perkhidmatan pada tahun 2024.

PEMBANGUNAN TENAGA KERJA

Pembangunan modal insan adalah penting dalam memupuk pekerja yang mahir dan berpengetahuan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang. Sehubungan dengan itu, Unit Pembangunan Sumber Manusia LPK telah mengadakan pelbagai latihan dalam bentuk seminar, bengkel dan persidangan yang disampaikan secara fizikal atau atas talian. Pada tahun 2024, sebanyak 105 latihan luaran telah dianjurkan kepada 344 orang kakitangan dan seramai 582 orang kakitangan telah menghadiri 52 latihan dalaman. Selain itu, Pusat Latihan LPK telah mengendalikan 30 latihan kemahiran untuk seramai 142 pekerja pada tahun 2024.

MANPOWER STRENGTH

As at 31 December 2024, KPA had a total of 712 employees as compared to 717 employees in year 2023. The total employees comprise of 422 Staff and 290 Port Workers. There were 20 new recruits and 25 retiring employees in year 2024.

MANPOWER DEVELOPMENT

Human capital development is important in cultivating capable and knowledgeable employees to deliver excellent services. In view of that, KPA Human Resource Development Unit had arranged various trainings in the form of seminar, workshop and conference which were carried out through either physical or online platform. In year 2024, there were 105 external trainings being conducted for 344 employees and 582 employees had participated in 52 in-house trainings. Besides that, the Training Centre of KPA had also conducted 30 skill trainings for 142 employees in year 2024.



Encik Robert Lau Hong Thiam

Encik Robert Lau Hong Thiam, Pengurus Besar LPK menerima Pingat Peringatan Terpuji Jubli Intan (Gangsa) 2023 sempena 60 tahun Sarawak Merdeka. Penyerahan pingat ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak pada 11 Julai 2024.

Mr. Robert Lau Hong Thiam, General Manager of KPA received the Diamond Jubilee Services Medal (Bronze) 2023 in conjunction with the celebration of Sarawak's 60th anniversary of Independence. The medal was presented by YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Deputy Premier, Sarawak at the Dewan Santapan of the Sarawak State Legislative Assembly (DUN) on 11 July 2024.



Puan Wee Chuan Siang
Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT)

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menyematkan pingat kepada kakitangan LPK.

Head of the State Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar presenting service medal to KPA staff.

DERMA DARAH

BLOOD DONATION



Sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat, LPK menganjurkan program derma darah setiap tahun. Ini adalah untuk menyokong bank darah di Hospital Umum Sarawak. Pada tahun 2024, empat program derma darah telah dianjurkan dengan seramai 109 penderma.



As part of its Corporate Social Responsibility, KPA organizes blood donation programs every year. This is to support the blood bank of Sarawak General Hospital. In 2024, four blood donation programs were carried out and there were 109 donors.

AKTIVITI-AKTIVITI ACTIVITIES

**Latihan Kem Tahunan Siri 2/2024, 4 Skuadron, 40 Rejimen Pakar Pelabuhan,
Rejimen Askar Jurutera Diraja (Aw) /
*Annual Army Camp Training Series 2/2024, 4 Squadron, 40th Regiment Port Specialist,
Royal Army Engineers Regiment (Territorial Army)***

4 Skuadron, Pelabuhan-Pelabuhan Sarawak, 40 Rejimen Pakar Pelabuhan, RAJD (AW), telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Pegawai Memerintah yang pada edisi kali ini yang telah diadakan di Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK), Sarawak pada 26 hingga 29 Januari 2024. Mesyuarat telah dihadiri oleh Pegawai Memerintah, Lt. Kol Dato' Azman Shah Mohd Yusuf yang juga Ketua Pengawai Eksekutif MMC Port Holdings Sdn. Bhd. dan Pegawai-Pegawai Pemerintah Skuadron seluruh Malaysia.

Latihan Kem Tahunan Siri 2/2024 yang diadakan dari 27 April 2024 hingga 11 Mei 2024 bertempat di 671 Kem Transit, Kuching. Seramai 3 Pegawai dan 67 LLP dari Pelabuhan Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri telah menghadiri ke latihan tahun ini. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang latihan tersebut. Antaranya adalah aktiviti seperti Ujian Jalan Laju (UJL), Ujian Kecergasan Asas (UKA), Ujian Kawad, Ujian Tempuh Halangan, Penyamaran dan latihan menembak serta taklimat/ceramah yang amat memanfaatkan anggota. Latihan-latihan tersebut amat penting bagi menjaga atau mengekalkan stamina dan kesihatan anggota untuk bersiaga jika khidmat diperlukan bila-bila masa.

Dengan sukacitanya, 4 skuadron telah diumumkan sebagai Juara Keseluruhan Skuadron terbaik bagi tahun 2024 pada Mesyuarat Pegawai Memerintah

baru-baru ini yang telah diadakan di Pelabuhan Kuantan, Pahang Darul Makmur. Pada mesyuarat tersebut juga, Pegawai Memerintah telah memasang pangkat Sarjan ke Staf Sarjan yang telah diterima oleh Sjn. Mohd Najib bin Buang anggota dari Lembaga Pelabuhan Kuching.

Pada LKT kali ini, 4 skuadron juga telah mengadakan simulasi pengendalian kargo di pelabuhan semasa krisis yang melibatkan 2 pegawai 25 x LLP. 1 x Pegawai, 4 x PTT Kanan dan 3 x anggota 4 Skuadron juga telah dijemput ke Perbarisan Ulang Tahun (Hut) Rejimen Askar Jurutera DiRaja ke-71 dan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Rejimen pada 22 April 2024 di Kem Batu Kentonmen, Kuala Lumpur.

Inisiatif Hari Rejimen telah diperkenalkan pada tahun 2024. Ini melibatkan pemakaian pakaian seragam tentera setiap hari Rabu pada minggu pertama dan kedua setiap bulan. Penghargaan ikhlas ditujukan kepada pihak pelabuhan kerana telah meluluskan permintaan tentera untuk memakai pakaian seragam tentera semasa menjalankan tugas hakiki. Tujuan Hari Rejimen adalah untuk sentiasa mengingatkan tatacara pemakaian tentera yang betul selain menjadikan seseorang anggota berdisiplin dan amanah menjalankan tugas apabila menyangkut seragam dan secara tidak langsung tanpa seragam atitud juga akan kekal.



**Latihan Kem Tahunan Siri 2/2024, 4 Skuadron, 40 Rejimen Pakar Pelabuhan,
Rejimen Askar Jurutera Diraja (Aw) /
Annual Army Camp Training Series 2/2024, 4 Squadron, 40th Regiment Port Specialist,
Royal Army Engineers Regiment (Territorial Army)**

The 40th Regiment Port Operations Specialist Regiment, Royal Army Engineers Regiment (Territorial Army), 4 Squadron, Sarawak Ports, hosted the Commanding Officers' Meeting held from January 26th to 29th January 2024 at the Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK), Sarawak. The meeting was attended by Commanding Officer Lt. Col. Dato' Azman Shah Mohd Yusuf, who is also the CEO of MMC Port Holdings Sdn. Bhd., together with Commanding Officers of squadrons from across Malaysia.

The Annual Camp Training Series 2/2024 took place from 27th April to 11th May 2024 at 671 Transit Camp, Kuching. A total of 3 officers and 67 other ranks from the ports of Kuching, Sibul, Bintulu, and Miri participated in this year's training. Various activities were conducted during the training, including the Speed March Test, Basic Fitness Test, Foot Drill Test, Obstacle Course Test, Camouflage Training, Shooting Drill, briefings, and Motivational Talks. These trainings are essential in maintaining the physical fitness, health, and readiness of members to be prepared for deployment at any time.

We are proud to announce that 4 Squadron was awarded the Overall Best Squadron for 2024

